

77

SOALAN NO: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI
MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2017

SOALAN : 32

YB Dato' Haji Mohd Fasih Bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan pesakit AIDS di kalangan berumur 15 hingga 40 tahun dan nyatakan setakat manakah pencapaian terkini negara dalam sasaran *Fast-Track 90-90-90* dalam menangani HIV/AIDS di negara ini.

Tuan Yang di Pertua,

Sehingga September 2017, bilangan kes AIDS baru di Malaysia telah menunjukkan tren penurunan berbanding bilangan tertinggi kes AIDS yang dilaporkan pada tahun 2011 iaitu sebanyak 1,334 orang atau pada kadar 4.67 kepada 1,233 orang (unjuran) atau 3.81 kes bagi setiap 100,000 penduduk.

Dalam menangani epidemik HIV/AIDS, pemimpin Malaysia telah bersepakat dalam Perhimpunan Kesihatan Sedunia 2016 (*World Health Assembly*) akan mengakhiri AIDS pada tahun 2030 dimana sasaran *Fast Track 90-90-90* pada tahun 2020. Sehingga Disember 2016, kita telah mencapai dua daripada tiga (3) sasaran *Fast Track 90-90-90* dimana sebanyak 96% kes HIV telah didiagnosa di Malaysia. Walau bagaimanapun, hanya 39% daripada orang hidup dengan HIV (*people living with HIV*) yang dikesan telah diberikan rawatan dan 94% daripadanya telah menunjukkan penurunan beban virus HIV (*viral load suppression*) (*Ending AIDS Report 2017 oleh UNAIDS*).

Tuan Yang di Pertua,

Kerajaan telah mengambil langkah - langkah bagi meningkatkan liputan rawatan ARV seperti digariskan di dalam Pelan Strategik Kebangsaan bagi Mengakhiri AIDS 2016-2030. Ini termasuklah 'uji dan rawat', peningkatan liputan pencegahan, kawalan dan sokongan bagi pesakit HIV/AIDS dan kumpulan yang berisiko tinggi. Ke arah meningkatkan liputan saringan kepada kumpulan berisiko ini, program saringan dalam komuniti (*Community based testing- CBT*) telah dimulakan.

Tuan Yang di Pertua,

Kerajaan juga yakin liputan rawatan ARV boleh dipertingkatkan dengan perluasan pusat rawatan di jagaan primer dimana sebanyak 95% Pakar Perubatan Kesihatan Keluarga telah dilatih untuk merawat pesakit HIV. Selain daripada itu, penurunan kos rawatan bagi pesakit HIV juga banyak membantu dalam meningkatkan liputan rawatan ARV.